

11/03/2001

Ungku Aziz anggap pertemuan bincang perpaduan bersesuaian

PETALING JAYA: Prof Diraja Ungku Aziz, percaya pertemuan pemimpin Umno dan Pas mengenai isu kepentingan orang Melayu memang baik dan kena pada masanya.

Beliau berkata proses musyawarah adalah amalan yang dianjurkan agama kerana ia membolehkan semua pihak, termasuk ahli Umno dan Pas, berbincang seterusnya mencari titik persamaan.

"Memang baik. Ia sama seperti saya tegaskan kepada Mahfuz Omar (Ketua Pemuda Pas) dan Hishammuddin Tun Hussein (Ketua Pemuda Pergerakan Pemuda Umno).

"Tapi, untuk pertemuan ini semua pihak kena bersetuju. Kalau tak susahlah," katanya selepas majlis diskusi buku Kisah Kayu anjuran Kelab Seni dan Kebudayaan Fakulti Pergigian Universiti Malaya (UM) di Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM), semalam.

Sasterawan Negara (SN) Datuk A Samad Said, turut hadir untuk memberi ulasan buku tulisan Rahman Shaari, berharga RM13 senaskhah terbitan Karisma Publication Sdn Bhd itu.

Ketika diminta mengulas mengenai pertemuan Umno-Pas, Ungku Aziz berkata: "Ia terlalu panjang sebenarnya. Saya tak boleh katakan begitu saja tanpa penelitian.

"Saya boleh terangkan, tetapi dalam bentuk tulisan atau rencana. Mungkin sepanjang 10,000 atau 20,000 patah perkataan. Tapi, untuk masa ini, pertemuan itu baik."

Sebelum ini, Dr Mahathir menyatakan pertemuan Umno-Pas bertujuan membincangkan perkara yang membabit kepentingan Melayu seperti hak dan keistimewaan orang Melayu, kedudukan agama Islam, Bahasa Kebangsaan serta status Raja-Raja Melayu seperti termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan.

Bagaimanapun, Setiausaha Agung Pas, Nasharuddin Md Isa, yang menyatakan persetujuan parti berkenaan pada dasarnya mengenai cadangan Presiden Umno itu, meminta supaya skop perbincangan diperluas, termasuk soal kebebasan berkumpul secara aman, mengikut Fasal 10 Perlembagaan itu.

Pas sebelum ini tetap bertegas supaya Umno memenuhi tiga prasyarat dikemukakan pada 18 Februari lalu.

Dr Mahathir pula berkata, Umno sanggup untuk berbincang apa saja, tetapi tidak semestinya ia bersetuju dengan permintaan parti pembangkang berkenaan.

(END)